

# ISLAMISASI AWAL DI PAHANG: SATU TINJAUAN TEORI

<sup>1</sup>**Muhammad Ikhlas Rosele\***,  
<sup>2</sup>**Rahimin Affandi Abdul Rahim**  
& <sup>3</sup>**Mohd Anuar Ramli**

<sup>1</sup> Pelajar pascasarjana (Ph.D),  
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi  
Pengajian Islam, **Universiti  
Malaya**

[ikhlas.rosele@yahoo.com](mailto:ikhlas.rosele@yahoo.com)

<sup>2</sup> Profesor Madya (Ph.D), Jabatan  
Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian  
Islam, **Universiti Malaya**  
[faqir\\_ila\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ila_rabbih@um.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan  
Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian  
Islam, **Universiti Malaya**  
[mohdanuar@um.edu.my](mailto:mohdanuar@um.edu.my)

## ABSTRAK

Islam di Pahang mempunyai sejarah yang unik dan tidak diketahui ramai. Sama ada dari sudut kedatangan Islam, perkembangan dan kelangsungannya hingga ke hari ini. Beberapa penemuan kedatangan Islam di Pahang telah dapat dikesan dan ia sebagai satu batu loncatan kepada kajian yang lebih mendalam terhadap sejarah kedatangan Islam, perkembangan dan perjuangannya di Pahang. Lantaran daripada itu, artikel ini

akan melakukan tinjauan mengenai Islamisasi di Pahang. Dengan menggunakan dan menganalisis data-data kepustakaan, kajian mendapati terdapat beberapa kenyataan dan bukti yang menunjukkan Islam datang ke Pahang lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka.

**Kata kunci:** Sejarah Islam, Islamisasi, Pahang, Kesultanan Melayu Melaka

## PENGENALAN

Islam telah lama bertapak di Malaysia dan telah menjadi anutan sebilangan besar masyarakat di dalamnya. Ini adalah berikutan proses Islamisasi yang giat berlansung di Nusantara satu ketika dahulu. Walaupun proses Islamisasi ini berasaskan teori yang berbeza-beza tetapi ia boleh dirangkumkan untuk perbincangan secara umum. Kedatangan Islam di Nusantara adalah dari Tanah Arab, India, China dan Parsi [1] melalui pelbagai cara antaranya seperti perdagangan, hubungan diplomatik, kegiatan dakwah, perluasan kuasa dan penghijrahan [1].

Kedatangan Islam daripada teori-teori tersebut boleh dilihat daripada beberapa sisi seperti tahap-tahap yang

berlaku dalam proses Islamisasi. Dakwah Islam yang datang daripada luar telah masuk ke Nusantara, akan tetapi ruang lingkup dan golongan sasarannya agak terhad (seperti kepada pemerintah dan pembesar atau masyarakat yang berhampiran laut). Namun proses penyebaran secara besar-besaran adalah dilakukan oleh tenaga-tenaga tempatan sendiri yang menyebabkan perkembangan Islam berlaku secara pesat serta dapat mengatasi pengaruh agama-agama sebelumnya [2]. Mungkin atas alasan ini Islamisasi yang dilakukan Kesultanan Melayu Melaka dilihat terkehadapan kerana peranan dan usahanya sebagai pusat dalam penyebaran Islam di Tanah Melayu.

Walaupun begitu, perlu diakui juga bahawa setiap kerajaan, negara, atau negeri menerima Islam melalui cara yang berbeza. Begitu jugalah keadaan proses Islamisasi yang berlaku dalam negeri-negeri di Malaysia seperti Kedah, Terengganu, Kelantan dan Pahang. Kemungkinan peranan sesebuah negeri dalam menyebarkan agama secara aktif (terutama melalui penaklukan dan perluasan kuasa) tidak begitu ketara menyebabkan ia tenggelam dari sudut fungsinya dalam perkembangan Islam

bahkan dari sudut sejarah Islamisasi yang berlaku terhadap negeri tersebut. Oleh kerana itu, artikel ini cuba melakukan analisis dan tinjauan Islamisasi yang berlaku di Pahang yang dilihat masih samar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Tinjauan dilakukan dengan mengaplikasi metode pengumpulan data yang sesuai, iaitu metode dokumentasi. Metode ini akan digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan, yang dapat digunakan sebagai bukti atau keterangan yang sah tentang sesuatu kenyataan. Ia merangkumi sumber-sumber berbentuk buku-buku, jurnal, disertasi dan tesis, kertas kerja, artikel, laporan-laporan, risalah dan laman web yang berkait rapat dengan Islamisasi di Pahang.

Dengan data-data kepustakaan tersebut analisis secara diskriptif dilakukan untuk meperolehi hasil kajian yang diperlukan. Kajian dilakukan dengan mendapatkan maklumat-maklumat kedatangan Islam di Pahang dan menjadikannya sebagai teori asas Islamisasi awal di Pahang.

## **PAHANG: SATU TINJAUAN SEJARAH**

Pahang merupakan salah satu negeri yang terletak di Semenanjung Malaysia. Ia berkeluasan 39,900 kilometer persegi menjadikannya negeri terbesar di Semenanjung [3]. Pahang mempunyai sejarah yang unik terutamanya dalam sejarah Islamisasi. Walau bagaimanapun oleh kerana kurang diketengahkan berkenaan sejarah Islam di Pahang membuatnya tidak diketahui ramai.

Pahang sejak dahulu lagi telah diduduki oleh manusia dan masyarakat. Bahkan pada zaman pra-sejarah Pahang juga didiami oleh orang zaman batu [4,5]. Menurut Buyong Adil, pada masa sebelum Pahang ditakluki Melaka, penduduk negeri tersebut adalah rata-ratanya orang Melayu hanya sedikit sahaja orang Siam. Orang-orang Siam tersebut dipercayai datang daripada daerah Ligor, negeri Patani, daerah Teluban dan daerah-daerah lain yang berhampiran [6]. Selain itu, Pahang juga telah wujud sebagai satu entiti politik sebelum wujudnya Melaka. Ini berasaskan beberapa catatan pengembara yang menyebut mengenai Pahang. Contohnya rekod-rekod Cina pada abad ke-11 yang menyatakan bahawa Pahang

merupakan negeri di bawah Kerajaan Sriwijaya. Pahang mengakui dan mendapat perlindungan daripada Dinasti Ming [7]. Pahang juga pernah menjadi sebuah negeri di bawah naungan Majapahit [8]. Selain itu Pahang juga merupakan sebuah pusat perdagangan.

Mengenai kedatangan Islam di Pahang pula, berdasarkan kebanyakan maklumat daripada penulisan sejarah Malaysia, Islamisasi di Pahang adalah melalui Kesultanan Melayu Melaka. Ini adalah kerana Kesultanan Melayu Melaka memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Asia Tenggara pada abad ke-15. Melaka menyebarkan Islam antaranya melalui perluasan kuasa. Perluasan daerah dan penaklukan meliputi banyak negeri-negeri termasuklah Pahang. Berikutan daripada penaklukan tersebut agama Islam turut tersebar di Pahang [9]. Catatan seumpama ini telah menjadi satu maklumat sejarah yang tidak asing lagi bagi masyarakat Islam. Namun begitu, ia tidak menghalang untuk dilakukan satu tinjauan dan penilaian semula sejarah Islam di Pahang. Ini berikutan wujudnya teori-teori lain mengenai proses Islamisasi awal di negeri-negeri Pantai Timur, khususnya Pahang.

**TEORI ISLAMISASI DI PAHANG**

Terdapat pelbagai teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu seperti Islam melalui perdagangan, perkahwinan, pendakwah, peranan pembesar-pembesar dan melalui peperangan. Manakala persoalan mengenai tempat bermulanya Islam datang masih diperbincangkan. Penemuan-penemuan yang menjadi bukti kedatangan Islam adalah seperti kubur atau batu nisan yang dijumpai di Tanjung Ingeris, Kedah bertarikh 290 Hijrah (903 Masihi), penemuan batu nisan bertarikh 1028 Masihi di Pekan, Pahang dan penemuan Batu Bersurat bertarikh 1303 Masihi di Kuala Berang menjadi bukti bahawa Islam telah datang dan berkembang di Pantai Timur lebih awal [10]. Namun kajian yang mendalam mengenainya masih lagi belum mencapai tahap yang memuaskan.

Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang menjadi salah satu tempat yang boleh dianggap mengalami proses Islamisasi lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu, kajian mengenai Islamisasi di Pahang adalah wajar dan perlu. Bukti kedatangan Islam di Pahang lebih awal hakikatnya didokong dengan beberapa alasan dan bukti, sebagaimana berikut:

**Pertama;** negeri Pahang sebelum diperintah oleh kerajaan melayu Melaka telah pun dilawati oleh pengembara-pengembara dan penulis-penulis berbangsa Arab dan China. Negeri itu telah dikuasai oleh kerajaan Seri Wijaya (Palembang), kemudian diperintah oleh raja-raja Ligor (Melayu) yang dikuasai oleh Siam dan dalam kurun ke-14 Masihi di bawah kuasa kerajaan Majapahit [6]. Pengembara-pengembara Arab yang dimaksudkan di sini dapat kita andaikan sebagai beragama Islam kerana ketika itu Islam telah berkembang terutamanya di negara-negara Arab. Tambahan pula pengembara Arab yang beragama Islam sebagaimana yang dimaklumi akan menjalankan tanggungjawab mereka untuk berdakwah. Antara contoh yang dapat dipetik di sini ialah perihal negeri Pahang yang disebut oleh seorang pengembara Arab Mas'udi dalam karangannya Muruj al-Dhahab [11]:

“Di-laut Kanderang ramai orangnya, termasuklah orang yang disebut Fanjab yang berambut ikal dan berbentuk badan yang ganjil rupa-nya. Mereka menggunakan perahu kechil, dan datang datang mengelilingi sa-barang kapala yang tiba ka-

tempat nereka, dan mereka melepaskan (memanahkan) sa-jenis anak panah yang ganjil dan berachun. Di-antara tempat orang-orang ini dengan negeri Kalah adalah lombong-lombong timah dan gunung-gunong yang mengandungi perak. Ada juga lombong-lombong emas dan timah yang jarang-jarang di-bongkar mengeluarkannya”

Menurut G. R. Tibbets perkataan Laut Kanderang adalah merujuk kepada Laut China Selatan dan Fanjab pula adalah Fanhan yang merujuk kepada Panghang atau Panhang iaitu Pahang [12]. Kenyataan ini jelas menunjukkan Pahang telah wujud dalam peta dunia sebelum wujudnya Melaka. Oleh itu, Pahang antara negeri lebih awal terdedah kepada sebarang aktiviti dakwah Islam. Kunjungan-kunjungan orang berbangsa Arab beragama Islam juga mengukuhkan bahawa aktiviti penyebaran Islam di Pahang telah wujud sekitar kurun ke-14.

**Kedua;** teori penyebaran Islam melalui laut merupakan antara teori yang diterima dalam merungkai sejarah Islam di Alam Melayu. Teori ini dapat dikaitkan dengan penyebaran Islam di negeri Pahang. Ini berikutan negeri

Pahang merupakan sebuah negeri yang makmur dan menjalankan aktiviti laut. Perkara ini jelas disebut oleh Godinho de Eredia yang menyatakan bahawa negeri Pahang adalah tempat kerajaan Melayu kedua selepas Kerajaan Melayu Patani di Semenanjung Tanah Melayu [13]. Keterangan mengenai menjalankan aktiviti laut pula boleh dipetik daripada kenyataan Mas’udi sebelum ini. Dengan kedudukan Pahang yang strategik, penduduknya di persisiran pantai dan laut, serta mempunyai kerajaan yang makmur secara logiknya dapat menarik pedagang-pedagang dan pengembara-pengembara dari china dan tanah arab, dan ia juga membuka ruang kepada penyebaran dakwah melalui pedagang-pedagang arab secara langsung mahupun tidak langsung.

**Ketiga;** penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang. Batu nisan tersebut ditemui pada awal tahun 1954 ketika mana orang-orang kampung Permatang Pasir menggali kubur [14]. Penemuan batu nisan ini telah menunjukkan kedatangan Islam lebih awal di negeri-negeri Tanah Melayu [15], bahkan membuktikan kedatangan Islam di Pahang lebih awal berbanding

Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M) [16]. Batu nisan tersebut ditulis dalam perkataan Arab yang terjemahannya adalah seperti berikut [17]:

Wahai yang mengampuni  
Firman Allah Taala  
Tiap-tiap yang bernyawa mesti  
merasai  
Mati dan sesungguhnya akan  
Disempurnakan  
Pahala-pahala kamu  
Pada hari kiamat  
Maka barang siapa yang dijauhkan  
Dari neraka  
Tidak takut  
Ialah Allah  
Firman Allah Tabaraka  
Wa Ta'ala dalam kitabnya  
Ketahuilah sesungguhnya wali-  
wali Allah itu  
Di atas mereka dan  
Tiada mereka  
Berdukacita  
Berpindah di waktu subuh (pagi)  
Wahai Allah yang menjelaskan  
Ketahuilah sesungguhnya dunia itu  
Seperti rumah tumpangan  
Berehat di waktu isyak (malam)  
Dan dia  
Melainkan mata benda  
Yang memperdayakan  
Telah benarlah Allah  
Yang mulia  
Tahun empat  
Wahai Allah yang mengasihani  
Tarikh wafatnya hari Rabu, Empat  
Belas dan bulan Rabie  
Dan dimasukkan

Ke dalam syurga maka  
sesungguhnya  
Menanglah ia dan tidaklah  
Hidup di dunia  
Dan Sembilan belas.

Tarikh orang berbangsa Arab ini meninggal adalah pada hari Rabu 14 Rabie tahun 419H/999M. Tambahan pula batu nisan yang dijumpai ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di Perlak dan Pasai [14] yang mengalami proses Islamisasi awal dalam bingkai sejarah. Kedudukan Kampung Permatang Pasir yang berhampiran kuala sungai (atau laut) juga mengukuhkan teori ini. Ini bermakna kawasan sekitar laut dan kuala sungai di Pahang telah terdedah kepada kehadiran orang-orang Islam yang berdagang dan menyebarkan dakwah Islam.

Berbalik kepada Batu Nisan Kampung Permatang Pasir, Aminudin telah melakukan kajian terhadap catatan di atas batu nisan tersebut menunjukkan ia merupakan istilah-istilah yang digunakan oleh golongan sufi kerana mempunyai elemen dan nilai kesufian. Kerana itu, boleh dianggap bahawa yang meninggal di Kampung Permatang Pasir tersebut adalah seorang wali [18] Begitu juga penemuan Makam Keramat Galong yang membuktikan masyarakat pra-

Melaka ditemui dan memungkinkan bahawa masyarakat di kawasan itu ketika itu telah memeluk Islam [13].

**Keempat;** golongan syed merupakan orang yang berketurunan arab yang dikatakan bersusur galur dengan keturunan Rasulullah. Kebanyakan syed yang berada di Tanah Melayu adalah datangnya dari satu daerah iaitu Hadramaut, Yaman [19]. Kedatangan golongan syed ke Pahang merupakan satu bukti penyebaran Islam di Pahang. Kedatangan golongan syed ke tanah melayu dikatakan sekitar abad ke-14 dan ke-15 Masihi [20]. Bahkan ada kenyataan yang menyatakan bahawa tarikh asal kedatangan golongan syed sebelum kedatangan Belanda, ia itu pada abad ke-17 Masihi [21].

Walau bagaimanapun kenyataan yang dikemukakan oleh W. Linehan perlu diambil kira. Menurut W. Linehan pengaruh Islam telah sampai ke Pahang sebelum terbentuknya Kerajaan Melayu Melaka lagi. Ini adalah kerana terdapat banyak makam Syed yang membuktikan mereka telah sampai di Pekan sebelum Abad ke-15 Masihi [13,19]. Kenyataan ini menunjukkan golongan syed telah berhijrah ke Pahang lebih awal dan

membuktikan bahawa kedatangan Islam di Pahang juga adalah lebih awal.

**Kelima;** Pahang dan Tioman juga merupakan kawasan perlabuhan kapal dagang disamping Jawa, Sriwijaya, Kedah, Jambi dan Palembang [22]. Berikutan terdapat teori yang mengatakan Islam datang ke tanah melayu melalui aktiviti perdagangan [23]. Kenyataan mengenai Pulau Tioman dan Pahang sebagai tempat perlabuhan kapal telah dijelaskan di dalam karangan Abu Zaid al-Sirafi [11] bertajuk *Akhbar al-Sin wa al-Hind* [24], buku ini telah dikarang pada tahun 851 Masihi [25]. Oleh kerana Pahang juga merupakan kawasan perlabuhan pedagang ia dapat mengukuhkan kemungkinan Islam disebarkan ke Pahang melalui pedagang bukannya melalui Kerajaan Melayu Melaka.

Tambahan pula terdapat satu catatan Ibnu Battuta yang singgah di suatu tempat di sepanjang Pantai *Tanesserim*. Di sana Ibnu Battuta dihiburkan di kota berdinding kayu yang terletak beberapa kilometer di sebelah hulu sungai dari perlabuhan. Ross E. Dunn mencatatkan keadaan tempat tersebut berdasarkan pengalaman Ibnu Battuta [26]:

Mereka sentiasa berada di istana, kecuali pada hari jumaat. Mereka berada di masjid bagi menunaikan solat jumaat. Istana pada waktu itu masih mengamalkan adat dan tradisi yang tidak jauh berbeza daripada setiap negara Hindu-Buddha di Melayu, ataupun Kepulauan Indonesia.

Kemungkinan tempat yang disinggahi Ibnu Battuta tersebut adalah Pulau Tioman ataupun Pekan, Pahang sekitar tahun 1297 hingga 1346 Masihi [18]. Pekara ini berikutan Pahang dan Pulau Tioman telah wujud ketika itu sebagai satu kerajaan.

**Keenam;** Asasnya untuk mengetahui tempat awal yang menerima Islam perlu didokong dengan beberapa bukti khusus, iaitu; kitab atau manuskrip agama, masjid tertua, institusi pendidikan Islam, kubur seorang ulama' dan pengaruh pemikiran Islam yang berkekalan serta dapat dikesan penggunaannya secara meluas dalam masyarakat [27,28]. Berdasarkan kayu ukur tersebut, didapati antara kubur ulama' paling awal ditemui di Pahang. Berkenaan institusi pendidikan Islam dan masjid tertua akan dibincang dalam

kajian ini. institusi pendidikan Islam juga menjadi tonggak kepada teori perkembangan Islam di sesuatu tempat [29]. Bagaimana sebuah kerajaan Islam ataupun kawasan berkembangnya Islam tiada satu pusat ataupun aktiviti pendidikan keagamaan sedangkan Islam menggalakkan penganutnya menuntut Ilmu. Di Tanah Melayu pendidikan keagamaan dijalankan di masjid dan di institusi pendidikan Islam yang disebut sebagai pondok. Antara pondok-pondok yang telah ditubuhkan di negeri Pahang ialah pondok di Kampung Pasir Mas, Kuala Lipis yang ditubuhkan oleh Haji Ismail bin Akil dan di Kampung Air Hitam, Pekan yang ditubuhkan oleh Haji Kamaludin bin Othman [30]. Walaubagaimanapun institusi pengajian Islam terawal yang dapat dikesan di Pahang ialah Lubuk Pelang, pada tahun 1640 Hamzah Fansuri telah pergi ke Lubuk Pelang untuk mendalami ilmu Hakikat dan ilmu Tasawuf. Pusat pengajian ini yang bertempat Bukit Ketupat, Jerantut telah menjadi pusat pengajian tumpuan sekitar tahun 1490 hingga 1640 di bidang tasawuf [31].

Perkembangan institusi pendidikan Islam di Pahang sentiasa berlaku daripada pengajian di masjid,



pondok hingga tertubuhnya sekolah agama atau madrasah [32]. Terdapat empat buah sekolah agama rakyat yang pertama di negeri Pahang ialah Madrasah al-Attas, Pekan (1923), Madrasah al-Islah, Kuala Tekal, Temerloh (1925), Madrasah al-Khairiah, Temerloh (1927) dan Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan (1941) [30]. Sekolah-sekolah inilah yang menjadi tonggak kelangsungan penyebaran dan pengukuhan Islam di Pahang disamping pengajian di masjid dan pondok-pondok yang masih kekal.

Manakala masjid terawal di yang dijumpai dalam sejarah Malaysia ialah Masjid Kampung Laut yang dipercayai dibina sekitar abad ke-17 Masihi. Manakala Masjid Tok Tuan di Kemaman yang dipercayai telah dibina lebih daripada seratus tahun, kemudian Masjid Kampung Hulu di Melaka juga antara masjid tertua di Malaysia yang di bina pada tahun 1728 Masihi [33]. Manakala di Pahang tidak ada bukti yang jelas terdapat masjid yang tertua, walaupun begitu ada dakwaan bahawa Masjid Tok Mengkarak yang dibina sekitar abad ke 17 Masihi [34], namun masih tiada bukti kukuh atas dakwaan tersebut. Walaubagaimanapun, masjid

tertua yang dapat dikenal pasti di Pahang adalah masjid Masjid Pulau Tawar yang telah dibina lebih daripada 200 tahun dan dikatakan menjadi pusat pengajian agama dan penyebaran Islam sekitar kurun ke-18 [35]. Tambahan pula, masih terdapat beberapa masjid yang tidak dikenalpasti tarikh binaannya dan seni binanya juga klasik dan diserapi unsur-unsur luar seperti Masjid Kg. Tersan, Masjid Tanjung Api, Masjid Kg. Pantai Chenor yang ada kemungkinan bahawa masjid tersebut telah lama dibina.

**Ketujuh:** Menurut catatan (daripada sarjana atau pengembara cina) pada sekitar kurun ke-13 Masihi, Pahang merupakan salah satu jajahan takluk kerajaan Srivijaya [36]. Hakikatnya terdapat 15 negeri dibawah kerajaan Srivijaya atau San-Fo-Tsi [37] menurut *Chu-fan-chi* iaitu; Pong-fong (Pahang), Tong-ya-nong (Terengganu), Ling-ya-si-kia (Langkasuka), Kilantan (Kelantan), Fo-lo-an, Ji-lo-ting (Jelotong), Tsien-mai, Pa-t'a (Tanjung Paka), Tan-Ma-Ling (Tamralingga atau disamakan dengan Tembeling, Pahang), Kia-lo-hi (Grahi), Pa-lin-fong (Palembang), Sin-to (Sunda), Ken-pi (Kampe), Lan-mu-li (Lamuri) dan Siam [38]. Walaupun tidak dapat dipastikan secara jelas tahun

bilakah Pahang jatuh dibawah taklukan Sriwijaya, namun ia masih disekitar kurun ke-7 hingga kurun ke-13 Masihi [39,40].

Pada awal kerajaan Srivijaya juga didapati telah menjalankan perhubungan dengan kerajaan Islam, bahkan membuka ruang penyebaran Islam dalam kerajaan tersebut. Ini berikutan, maharaja Sriwijaya, Sri Indravarman (pada 718 Masihi) pernah mengirinkan surat kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz. Potongan surat tersebut berbunyi [41];

Daripada Raja kepada sekalian Raja yang merupakan keturunan dari seribu Raja-Raja, yang permaisurinya juga merupakan cucu kepada seribu Raja-Raja, yang taman haiwannya mengandungi seribu gajah, yang di dalam wilayahnya terdapat dua sungai yang mengairi pohon jadam, rempah wangi, buah pala dan limau nipis yang aromanya tersebar sejauh 12 batu. Ke hadapan Raja Arab yang tidak menyembah tuhan-tuhan yang lain selain Allah. Aku telah mengirim padamu satu hadiah yang tidak seberapa sebagai tanda persahabatan. Aku mohon agar kamu menghantar padaku seseorang yang

boleh mengajarku tentang Islam dan menerangkan padaku undang-undangnya.

Negeri Pahang pula pada waktu itu berada dibawah taklukan Sriwijaya. Oleh itu wujud kemungkinan dakwah Islam juga telah sampai ke negeri Pahang mahupun negeri Pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan.

Berdasarkan ketujuh-tujuh teori yang diemukakan telah membuktikan bahawa wujud kemungkinan Islam telah bertapak lebih awal di Pahang. Ia secara tidak lansung menafikan kedatangan Islam ke Pahang melalui Kerajaan Melayu Melaka. Berdasarkan teori yang telah disebutkan, kedatangan Islam ke Pahang boleh dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu; fasa pertama merupakan fasa kedatangan dan persinggahan orang-orang Islam yang berlaku sekitar kurun ke-10M. Fasa kedua ialah fasa penyebaran Islam secara kecil-kecilan di sekitar kawasan persisir pantai dan kuala sungai. Fasa ini juga telah mewujudkan perkampungan dan penempatan orang Arab berketurunan Syed. Fasa kedua ini berlaku sekitar kurun ke-11M hingga awal kurun ke-14M. Mankala fasa ketiga, ialah fasa kekuasaan dan perkembangan Islam. Ia bermula apabila

Pahang ditakluk oleh Kerajaan Melayu. Aktiviti perkembangan Islam melalui institusi raja juga bermula dalam fasa ini di bawah kuasa Sultan Muhammad Shah pada sekitar 1470M [42].

Selain itu, teori kedatangan Islam di Pahang ini menjadi satu lagi pengukuh bahawa teori Islamisasi awal di Tanah Melayu adalah bermula di negeri-negeri Pantai Timur. Setiap negeri di Pantai Timur mempunyai bukti tersendiri yang menandakan Islam telah bertapak di sana [27], contohnya penemuan Batu Bersurat di Terengganu, Masjid Kampung Laut dan penemuan dinar emas di Kelantan dan Batu Nisan di Pahang. Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan catatan Cina Dinasti Sung yang menyebut bahawa kedatangan Islam di sepanjang persisiran Laut Cina Selatan seawal-awalnya pada tahun 977M [43].

### KESIMPULAN

Proses Islamisasi di Malaysia walaupun telah lama berlaku namun ia masih belum dapat dihuraikan dengan baik. Ini berikutan sumber-sumber sejarah yang telalu terhad. Walau bagaimanapun sekiranya usaha menggali maklumat dan data terus dilakukan sama ada dalam bentuk tulisan seperti manuskrip ataupun

berbentuk objek seperti artifak. Situasi ini juga berlaku dalam sejarah Pahang. Namun, penemuan seperti batu nisan, kewujudan golongan syed, kenyataan Pahang sebagai pusat tumpuan pedagang, Pahang juga memiliki kerajaan yang tersendiri sebelum Kerajaan Melayu Melaka merupakan satu penemuan dan kenyataan yang mendatangkan impak yang besar dalam sejarah di Malaysia. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam dan agresif perlu dilakukan oleh mana-mana pihak secara konsisten.

### RUJUKAN

- [1] Azhar Mad Aros, Ali Seman & M. Rajendran, (1991). *Sejarah Islam*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- [2] Abd. Rahman Hj. Abdullah, (1979). *Pengajian Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- [3] Mohd Roselan Ab. Malek, (1993). *Salasilah Nama Tempat Negeri Pahang Darul Makmur*. Petaling Jaya: Penerbit Prisma.
- [4] Jabatan Penerangan Negeri Pahang, "Pahang Zaman Pra-Sejarah" diakses dari <http://www.penerangan.gov.my/paha>

- [ng/index.php/bm/maklumat/info-negeri/pahang-zaman-pra-sejarah](http://ng/index.php/bm/maklumat/info-negeri/pahang-zaman-pra-sejarah)  
pada 5 Februari 2015
- [5] Peter Bellwood, (2007). *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. Australia: ANU E PRESS.
- [6] Buyong Adil, (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [7] Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath, (1992). *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930*. Selangor: Tempo Publishing.
- [8] Victor Purcell, (1997). *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, terjemah Nik Hasnaa Nik Mahmood. Skudai: Penerbit UTM.
- [9] Che Uda Che Nik, (1988). *Sejarah Islam 2*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- [10] Mahayudin Hj. Yahaya & Ahmad Jelani Halimi, (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- [11] Paul Wheatley, (2010). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- [12] G. R. Tibbets, (1956). The Malay Peninsula as Known to the Arab Geographers. *The Malayan Journal of Tropical Geography*. IX. 24-33.
- [13] W. Linehan, (1936). *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: the MBRAS.
- [14] Haji Zakaria Hitam, (1982). Kubur Zaman di Permatang Pasir Mukim Pekan, Pahang, Dalam *Monograf Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang*, (8-27). Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- [15] Amnah Saayah Ismail & Farid Mat Zain, (2004). Perspektif Islam di Tanah Melayu Abad ke-19: Analisis Terhadap Pemikiran Abdullah Munshi Melalui Karya “Kisah Pelayaran Abdullah”. Dalam Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh (ed.), *Islam: Past, Present & Future*, (340-348). Bangi: UKM.
- [16] Farid Mat Zin (eds), (2007). *Islam Di Tanah Melayu Abad ke 19 M*. Shah Alam : Karisma Publications, 2007.
- [17] Dato Sri Mahmud bin Mat, (1955). Two Unidentified Muslim Graves at Kampung Permatang Pasir, Pekan District, Pahang. *The Malayan Historical Journal*. 2(2): 137-140.
- [18] Aminudin Haji Abdul Karim, (2014). *Hukum Kanun Pahang: Satu Analisis Serta Perbandingan Dengan*

- Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Kedah*. Kuantan: Syarikat Percetakan Inderapura.
- [19] Mahayudin Haji Yahaya, (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [20] Mahayudin Haji Yahaya, (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [21] Serjeant, R. B., (1957). *The Saiyids Of Hadramawt: An Inaugural Lecture*. London : School of oriental and African Studies.
- [22] Nurulwahidah Fauzi, Ali Mohammad & Saim Kayadibi, (2011). *The Religious-Intellectual Network: The Arrival of Islam in The Archipelago*. Dalam Saim Kayadibi (ed.), *Ottoman Connections to The Malay World*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- [23] Saifullah Mohd Sawi & Samsu Adabi Mamat, (2009). *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*. Shah Alam: Karisma Publications.
- [24] C. E. Bosworth, E. Van Donzel, B. Lewis & CH. Pellat (eds.), (1980). *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill.
- [25] Paul Lunde, (2005). The Seas of Sinbad. *Saudi Aramco World*. 56(4). From <http://www.saudiaramcoworld.com/issue/200504/the.seas.of.sindbad.htm>
- [26] Ross E. Dunn, (2014). *Jejak Ibnu Battuta: Menelusuri Legasi Islam Abad ke-14*, Mohamad Muslim (terj.). Selangor: PTS Islamika.
- [27] Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ab. Halim Ismail & Nur Adina Abdul Kadir, (2014). *Teori Islamisasi Tanah Melayu Daripada Pamtai Timur: Satu Pengamatan Awal*. Dalam Kolokium Islam Pahang ‘Meraikan Ilmu’, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, 18-20 Oktober 2014.
- [28] S. Hossein Nasr, (1987). *Traditional Islam in The Modern World*. London: KPI limited.
- [29] Gamal Abdul Nasir Zakaria, (2010). Pondok Pesantren: Changes and Its Future. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2): 45-52.
- [30] Saliturahim Alias, Kamaruzaman Yusoff & Azizi Umar, (2012). *Sekolah Agama Islam di Pahang: Satu Kajian Sejarah dan Perkembangan Awal*. Kertas Kerja

Persidangan Kebangsaan Pendidikan  
Islam

- [31] Abdul Jalil Borham, (2014). *Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang*, Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang, Dewan Astaka, UMP.
- [32] Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, (2011). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. Jurnal al-Ta'dib*. 6(1): 59-78.
- [33] Harlina Md Sharif & Hazman Hazumi, (2004) *Reconstruction of The Earliest Mosque In Malaysia Usiang Virtual Reality Technique*. Archives and Museum Informatics Europe: ICHIM04.
- [34] Sila rujuk laman web berikut <http://selamatkanpahang.blogspot.com/2014/01/tapak-masjid-antara-terawal-di-pahang.html> dan <http://tok-mengkarak.blogspot.com/>
- [35] Haris Fadilah Ahmad, (22 April 1998). Masjid Pulau Tawar Khazanah Mat Kilau Terbiar Sepi. *Utusan Online*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0422&pub=utusan](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0422&pub=utusan_malaysia&sec=gaya_hidup&pg=ls_02.htm&arc=hive)
- [36] Ooi Keat Gin, (2009). *The A to Z of Malaysia*. UK: Scarecrow Press.
- [37] Phyllis Gim-Lian Chew, (2013). *A Sociolinguistic History of Early Identities in Singapore*. New York: The Pallgrave Macmillan, 2013.
- [38] Slamet Muljana, (2006). *Sriwijaya*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- [39] Ram Prakash Anand, (1982). *Origin and Development of the Law of the Sea*. Netherland: Martinus Nijhoff Publisher.
- [40] Soeroto, (1975). *Sriwijaya Menguasai Lautan*. Bandung: P.T. Sanggabuwana.
- [41] Azyumardi Azra, (1995). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- [42] Aruna Gopinath, (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [43] Abd Jalil Borham, (2012). *Islam di Pahang*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.